

Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



Tetamu kehormat majlis Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa menyampaikan ucapan.

Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010 anjuran Jabatan Penerangan dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) telah diadakan selama lima hari bermula dari 1 hingga 5 Ogos.

Majlis pembukaan rasmi telah berlangsung pada 1 Ogos di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Berakas.

Aturcara majlis pembukaan rasmi dimulakan dengan menyanyikan beramai-ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'. Seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Seramai lebih kurang 90 orang mahasiswa-mahasiswi mengikuti perkampungan tersebut. Terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di luar negeri di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan BSP.



Antara jemputan yang hadir di Majlis Pembukaan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010.



Para peserta bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Malayong.

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Hajah Noorashidah Haji Aliomar

Ketua Pengarang

Sastra Sarini Haji Julaini
Haji Dayang Haji Kasim

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Mohd. Nizam Abdullah
Hajah Norpisah Md Salleh
Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok
Haji Mahmud Hafidzie Haji Masood
Ismalee Haji Abdul Rahman
Faridah Haji kaderi
Fa'ezah Hayati Haji Abd. Rahman
Norainah Ibrahim
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perkhidmatan Media
&
Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris

Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Bulan Ogos juga merupakan bulan yang agak sibuk bagi semua warga Penerangan. Seperti biasa bulan Ogos merupakan bulan yang lazimnya diadakan Perkampungan Sivik bagi mahasiswa Negara Brunei Darussalam yang belajar di luar negeri. Antara lain tujuan perkampungan berkenaan sebagai wadah Jabatan Penerangan untuk mengemaskini pengetahuan para pelajar kita yang belajar di luar negara dengan maklumat-maklumat terkini yang berlaku di sepanjang tahun ketika mana mereka belajar di luar negara. Dengan yang demikian mereka semua akan lebih peka dengan perkembangan negara walaupun sedang melanjutkan pengajian di luar negara. Di samping itu Jabatan Penerangan juga berpeluang untuk bersemuka dengan para pelajar yang bakal menjadi cendekiawan dan ilmuwan negara di masa akan datang.

Bulan Ogos juga bertembung dengan bulan Mubarak, Ramadan. Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan menyusun program yang bercorak keagamaan dan kebajikan untuk mengambil 'tabaruk' bulan yang suci ini. Pada tahun ini, Jabatan Penerangan melangkah menyeberangi sungai ke Daerah Temburong dengan Program Ramadan Penerangan. Antara lain aktiviti yang dijalankan seperti bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan orang Islam Bukit Raja, Kampung Piasau-Piasau; menyampaikan sumbangan barangan keperluan menjelang Hari Raya kepada keluarga yang memerlukan; berbuka dan sembahyang berjemaah fardu Maghrib, Isyak, Terawih dan Witr serta Bertadarus. Aktiviti Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim juga diadakan di Masjid Kampong Bukit, Mukim UKong, Daerah Tutong. Jabatan Penerangan juga bersama-sama dengan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri 'berkeliling' mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di beberapa buah masjid di daerah Brunei-Muara.

Dalam arena antarabangsa pula, Jabatan Penerangan juga menghantar perwakilan bagi mengikuti program Pertukaran Lawatan Pegawai Penerangan dan Media Cetak ke Thailand. Program berkenaan merupakan antara kegiatan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Teknikal Bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

Demikianlah antara aktiviti yang berlangsung di sepanjang bulan Ogos ini. Lebih banyak lagi acara yang akan berlangsung yang melibatkan Jabatan Penerangan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung pada bulan-bulan seterusnya, insya-Allah.

Pengarah Penerangan

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Isi Kandungan

- | | |
|--|-------|
| - Perkampungan Sivik Mahasiswa NDB Seberang Laut 2010 | 1 |
| - Program Pertukaran Lawatan Pegawai Penerangan dan Media Cetak ke Thailand | 3 |
| - Aktiviti Sepanjang Perkampungan Sivik Mahasiswa NDB Seberang Laut 2010 | 4 - 5 |
| - Program Ramadan Penerangan 1431H di Kampung Labu Estate | |
| - Program Ramadan Penerangan 1431H di Kampung Piasau-Piasau | 6 |
| - MRO bertugas pada bulan Ogos | |
| - Lantikan memangku, kenaikan pangkat dan perpindahan bagi pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan | 7 |
| - Penyampaian derma anak-anak yatim Kampung Bukit, Tutong | |
| - Majlis Bertadarus di Masjid Sultan Sarif Ali, Sengkuring | |
| - Selamat Hari Lahir | |
| - Pegawai Baru Bertugas | 8 |

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:

<http://www.pelita-brunei.gov.bn>

E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn

Keluarannya setiap 3 kali seminggu (Isnin, Rabu dan Sabtu)

Program Pertukaran lawatan Pegawai Penerangan dan Media Cetak ke Thailand



Serombongan empat orang pegawai dari Jabatan Penerangan telah mengikuti Program Pertukaran Lawatan Pegawai Penerangan dan Media Cetak ke Thailand. Mereka ialah Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Kanan, selaku ketua rombongan; Dayang Aidah binti Hidop, Penolong Penyunting Tingkat II, Awang Mohd. Nizam bin Abdullah, Pembantu Pegawai Luar Penerangan; dan Awang Shari bin Garib, Pembantu Pegawai Luar Penerangan.

Program ini juga disertai oleh seorang Pegawai Perhubungan Awam dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Dayang Hajah Nur Haidah binti Haji Abdul Halim.

Program ini adalah sebagai salah satu kegiatan yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal Bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand. Program telah diadakan pada 2 hingga 6 Ogos.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut ialah lawatan ke Radio Thailand; National Broadcasting Services of Thailand; Amarin Printing and Publishing Public Company Limited; Cultural Visit at Arts of The Kingdom; Public Relation Department, Thai Public Broadcasting Service, Zoo, National Discovery Museum Institute dan menyaksikan persembahan kebudayaan Thailand di Aksra Theater King Power.

Disediakan oleh Aidah Hidop
Bahagian Berita Inggeris

Rombongan dari Negara Brunei Darussalam bergambar ramai semasa lawatan ke Amarin Printing and Publishing Public Company Limited.



Rombongan bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan Thailand semasa makan malam di Je-Ngor Kitchen di 68/2, Soi 20 of Sukhumvit Road, Bangkok.



Rombongan bergambar kenangan semasa sesi lawatan ke Thai Public Broadcasting Services.

Aktiviti sepanjang Perkampungan Sivik Mahasiswa

Mahasiswa Perkampungan Sivik melawat ke Daerah Belait

Seramai 85 orang mahasiswa Negara Brunei Darussalam yang menuntut di seberang laut mengikuti Perkampungan sivik selama lima hari bermula 1 Ogos lalu mengadakan lawatan ke Kelab Rekreasi Brunei Shell BSRC) pada 3 Ogos.

Mahasiswa tersebut terdiri dari 36 pelajar yang menerima biasiswa dari Kementerian Pendidikan, 32 orang yang menerima biasiswa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan 17 pelajar yang menerima biasiswa Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali.

Hadir sama, Pengarah Penerangan,

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Haji Zainal Abidin dalam ucapannya antara lain menerangkan melalui pertunjukan *slide* bagaimana syarikat menjalankan perniagaannya. Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Royal Dutch Shell telah menjalankan usaha sama selama hampir 80 tahun, menghantar 90 peratus pengeksporan Brunei iaitu gas dan minyak ke destinasi-destinasi yang menjalin perjanjian dengan BSP seperti Jepun, Korea dan sebagainya.

Dari BSRC, Pengarah Penerangan berserta rombongan mahasiswa tersebut melawat ke Jabatan Daerah Belait (JDB). Rombongan dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang

Kaya Sura Haji Tuba dan pegawai-pegawai jabatan berkenaan.

Selain lawatan ini berbagai program telah disusun bagi perkampungan yang dijalankan selama lima hari itu merangkumi taklimat daripada Kementerian-kementerian yang bersangkutan seperti Sistem Pemerintah dan Stuktur Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam daripada Jabatan Penerangan, Sistem Pendidikan dan Kementerian Pendidikan, Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara (Wawasan Brunei 2035) dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Penyalahgunaan Dadah (Sindiket Dadah Antarabangsa) dari Biro Kawalan Narkotik.

Mahasiswa Perkampungan Sivik melawat ke Pusat Ehsan Kampung Bengkurong.

Siri lawatan mahasiswa Negara Brunei Darussalam yang mengikuti Perkampungan Sivik diteruskan dengan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah, Kampung Bengkurong pada 3 Ogos.

Tujuan lawatan antara lain bagi mendedahkan kepada para mahasiswa bahawa pendidikan tidak hanya terbatas kepada insan yang sempurna tetapi mereka yang kurang upaya juga berhak untuk diberikan pendidikan yang sempurna.

Rombongan dibawa meninjau ke kelas pendidikan dan melihat hasil pertanian hidroponik yang diusahakan oleh para pelatih di pusat tersebut.



Sebahagian daripada Pegawai Penerangan yang mengiringi lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah, Kampung Bengkurong.



Meninjau salah sebuah kelas pendidikan khas yang terdapat di pusat tersebut.



Menyaksikan sendiri hasil pertanian membanggakan yang diusahakan oleh pelatih di pusat tersebut.

Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010

Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010



Tetamu kehormat majlis Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman semasa menyampaikan ucapan.

Mahasiswa dan mahasiswi yang bakal menamatkan pengajian mereka sebaik saja kembali ke tanah air bukan hanya diharapkan membawa sekalung ijazah malah lebih dari itu negara mengharapkan agar mereka menjadi seorang rakyat yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berjaya serta menjadi seorang rakyat yang berkualiti tinggi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman menekankan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun

2010 di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan yang berlangsung pada 5 Ogos.

Beliau juga menambah, masa depan Negara Brunei Darussalam bergantung kepada tenaga manusianya oleh itu dengan ilmu dan kemahiran yang diperolehi itu nanti sudah tentu akan dapat membantu negara dalam mempertingkatkan kemajuan ekonomi, memantapkan kualiti pendidikan, mengukuhkan sistem politik, mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan seterusnya mengekalkan keamanan, kemakmuran negara berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu juga Datin Paduka menyeru para mahasiswa dan

mahasiswi agar menjauhi diri dari kegiatan-kegiatan negatif yang bertentangan dengan agama dan nilai-nilai murni bangsa serta tidak lupa diri sebagai anak bangsa Brunei, justeru sentiasa bersopan santun ketika berada di luar negara.

Juga hadir di majlis itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementreian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Tassim bin Haji Akim, Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis.



Antara jemputan yang hadir di Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010.



Para peserta kursus bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Datin Hajah Adina binti Othman di Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2010.

Program Ramadan Penerangan 1431H di Kampung Labu Estate

Rombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim telah mengadakan Majlis Bersahur di rumah seorang ibu tunggal Dayang Saadiah binti Haji Kula, di Kampung Labu Estate, Daerah Temburong pada 23 Ogos.

Majlis diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan berupa barangan keperluan harian dan keperluan menjelang Hari Raya kepada Dayang Saadiah sekeluarga, yang disampaikan oleh Awang Azman.

Melalui program ini Jabatan Penerangan akan dapat mengeratkan silaturahim antara agensi kerajaan dengan masyarakat, mukim dan kampung serta berpeluang berkongsi maklumat melalui perkumpulan,



Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim menyampaikan sumbangan kepada Dayang Saadiah binti Haji Kula, di Kampung Labu Estate, Daerah Temburong.

disamping itu juga membuka peluang bantuan untuk meringankan untuk sama-sama menyemarakkan bebanan kepada keluarga kurang bulan Ramadan dengan amalan bersedekah dan menyumbangkan berkemampuan.

Program Ramadan Penerangan 1431H di Kampung Piasau-Piasau

Majlis penyampaian sumbangan sempena Program Ramadan Penerangan 1431H telah berlangsung pada 22 Ogos di Surau Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu, Daerah Temburong

Rombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim.

Aktiviti dimulakan dengan bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan yang diselenggarakan dengan bertahlil, di Tanah perkuburan Bukit Raja, Kampung Piasau-Piasau.

Seterusnya rombongan bersungkaik bersama penduduk kampung serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah diselenggarakan dengan Sembahyang Sunat Terawih dan Witr.

Disamping itu majlis penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Awang Azman kepada dua ketua keluarga yang terdiri dari warga emas, Awang Budin bin Untung dan



Bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan Bukit Raja, Kampung Piasau-Piasau diselenggarakan dengan bertahlil antara aktiviti berkeabajikan yang diunkayahkan oleh jabatan ini bersempena Program Ramadan Penerangan 1431H.

Dayang Hajah Bariah binti Momin masing-masing menerima bantuan berupa barang keperluan harian dan keperluan menjelang Hari Raya.

Melalui program ini Jabatan Penerangan akan dapat mengeratkan silaturahim antara agensi kerajaan dengan masyarakat mukim dan

kampung serta berpeluang berkongsi maklumat melalui perkumpulan, disamping itu juga membuka peluang untuk sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan dengan amalan bersedekah dan menyumbangkan bantuan untuk meringankan bebanan kepada keluarga kurang berkemampuan.

Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Ogos

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) adalah merupakan satu produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawalselia, menyelaraskan serta memantau pergerakan media dalam

acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan

liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.

02 Ogos	Majlis sambutan Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Berakas
09 Ogos	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Penyerahan Geran Tanah dan Anak Kunci Rumah Perpindahan Negara Kampung Lumut Liang
25 Ogos	Majlis Khatam Al-Quran di Istana Nurul Iman
28 Ogos	Majlis Nuzul Al-Quran di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

Lantikan memangku, kenaikan pangkat dan perpindahan bagi pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan

Berikutan dengan lantikan memangku, kenaikan pangkat dan perpindahan bagi pegawai-pegawai di jabatan ini, pihak jabatan telah berusaha untuk mengemaskinikan pelaksanaan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Dengan perubahan ini adalah diharapkan akan dapat meningkatkan komitmen dan keberkesanan setiap bahagian dalam melaksanakan kerja yang lebih teratur dan sempurna mengikut bidang tugas masing-masing.

Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (Pegawai Penerangan Kanan)	Memangku sementara jawatan Timbalan Pengarah Penerangan (Memorandum SUT, JPM bilangan JPM/J/JP/2.1 bertarikh 02 Safar 1431/18 Januari 2010)
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini (Pegawai Penerangan)	Memangku sementara jawatan Pegawai Penerangan Kanan I disamping tugas-tugas biasa selama 1 bulan (01 - 30 Ogos)
Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim (Pegawai Penerangan)	Memangku sementara jawatan Pegawai Penerangan Kanan III disamping tugas-tugas biasa selama 3 bulan (01 Jun - 31 Ogos)
Awang Lamit bin Matzin (Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I)	Memangku sementara jawatan Pegawai Pentadbir Tingkat Khas (B2 EB3)
Awang Adnan bin Haji Ibrahim Penolong Pegawai Penerangan (dibawah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa)	Memangku sementara jawatan Pegawai Penerangan disamping tugas-tugas biasa dan mengetuai sementara Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber selama 1 bulan (10 Ogos-9 September)
Dayang Noriah binti Haji Abd Hamid Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I (dibawah Bahagian Perkhidmatan Media dan Perhubungan Awam)	Memangku sementara jawatan Pegawai Penerangan disamping tugas-tugas biasa selama 1 bulan (01 - 31 Ogos)
Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (Penolong Pegawai Penerangan)	Dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Penerangan mulai 27 Mei 2010
Awang Haji Ahad bin Haji Ismail (Penolong Penyunting Tingkat I)	Memangku sementara jawatan Pegawai Penerangan (jawatan Awang Haji Jaafar) disamping tugas-tugas biasa dan mengetuai sementara Bahagian Pelita Brunei selama 1 bulan (01 - 30 September)
Awang Zainuddin bin Haji Hussien (Kerani)	Berpindah ke Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa mulai 02 Ogos 2010
Awang Alias bin Haji Kalong (Pembantu Pegawai Luar Penerangan)	Berpindah ke Bahagian Perkhidmatan Media & Perhubungan Awam mulai 02 Ogos 2010
Awang Mohd Suhud bin Haji Bungsu (Pembantu Pegawai Luar Penerangan)	Berpindah ke Bahagian Fotografi & Audio Visual mulai 02 Ogos 2010.

Penyampaian derma anak-anak yatim Kampung Bukit, Tutong

Seramai 16 orang anak-anak yatim dari Kampung Bukit telah menerima sumbangan derma di Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim serta Bacaan Tahlil dan Berbuka Puasa anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bukit berlangsung di Masjid Kampung Bukit, Mukim Ukong, Tutong pada 31 Ogos.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan Jabatan Penerangan di bulan Ramadan dalam mendekati masyarakat dan mengeratkan tali persaudaraan sesama umum.

Melalui program ini, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berpeluang untuk sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan sambil melipatgandakan ibadat bersama masyarakat mukim dan kampung.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan daripada Imam Masjid Kampung Bukit, Awang Haji Muhammad Azley bin Haji Muhammad Aliuddin dan seterusnya ceramah Ramadan bertajuk 'Keberkatan Sepanjang Ramadan' yang disampaikan oleh Penceramah Undangan daripada Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Awang Ismail.

Sumbangan derma disampaikan oleh tetamu kehormat dan seterusnya sumbangan wakaf diserahkan kepada imam Masjid Kampung Bukit.

Majlis Bertadarus di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Tadarus yang dianjurkan bersama oleh Ketua Halik Syarie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syarie, Yang Dimuliakan Pehon Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Salim, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi serta Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong pada 17 Ogos.

Antara yang hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab dan Setiausaha Setiausaha Tetap di JPM, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Abdul Aziz, Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili.

Majlis tadarus dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan Al-Qur'an secara bergilir-gilir bermula dari juz 16 hingga 30.

Sejurus selepas membaca tahlil dan doa arwah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa barang elektrik.

Seterusnya majlis teruskan dengan berbuka puasa yang disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara keagamaan itu dikelolakan bersama oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Kehakiman dan Biro Kawalan Narkotik.

Selamat Hari Lahir

AWANG BAZLAN BIN HAJI BESAR	1 OGOS
AWANG HAJI MASRIAN BIN BAHARIN	1 OGOS
AWANG MOHD HARTAL HAZMI BIN AWANG ABD HAMID	2 OGOS
DAYANG HAJAH MARHANI BINTI HAJI ABD RAHMAN	3 OGOS
DAYANG NORSIAH BINTI HAJI UMAR	3 OGOS
DAYANG AISAH BINTI HAJI TENGAH	4 OGOS
AWANG YAHYA BIN HAJI PUTRA	5 OGOS
AWANG BOLHASSAN BIN HAJI ABU BAKAR	6 OGOS
DAYANG JORRANI BINTI HAJI ZAINAL	8 OGOS
AWANG HAJI KAMARAN BIN HAJI BUNGSU	9 OGOS
AWANG HAJI HASSAN BIN HAJI MUDIN	10 OGOS
AWANG SAIPOL BAHRIA BIN ABD RAHMAN	10 OGOS
DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG	11 OGOS
AWANG JAMIL BIN HAJI SALEH	14 OGOS
DAYANG AZMAH BINTI HAJI AHAD	14 OGOS
DAYANG RUZIAH BINTI HAJI ZAKARIA	14 OGOS
AWANG ASRIAN BIN MOHD NOR	15 OGOS
DAYANG HAFIZATUL ATIKAH BINTI ABDULLAH	15 OGOS

Pegawai Baru Berkhidmat



Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar
Jawatan: Penolong Pegawai Penerangan
Tarikh mula berkhidmat: 16 Ogos 2010